

## **HUBUNGAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL PENSYARAH DENGAN EFIKASI KENDIRI PELAJAR**

**Zuriani Hanim Zaini  
Norjumira Abd Raof  
Noorhidayah Abu Hasim  
Nurul Huda Adnan  
Nor Izzuani Izhar**

*Corresponding Author's Email: [zurianihanim@unimel.edu.my](mailto:zurianihanim@unimel.edu.my)*

### **Article History:**

*Received : 23 November 2022*

*Accepted : 4 December 2022*

*Published : 31 December 2022*

### **ABSTRAK**

Efikasi sendiri memainkan peranan penting dalam membangunkan sektor pendidikan yang berkualiti dan berdaya saing. Pensyarah yang menjadi tunjang utama dalam sistem pendidikan di negara ini bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang luas dalam bidang ilmu yang disampaikan, malah perlu mempunyai aspek dalaman yang kukuh seiring dengan transformasi pendidikan masa kini. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mencari hubungan kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah dengan efikasi sendiri pelajar Universiti Melaka. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan melibatkan 143 orang responden yang terdiri daripada pelajar semester pertama Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan nilai min kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan (.52) dan bukan lisan (.50) serta efikasi sendiri pelajar (.58) berada di tahap yang tinggi. Analisis korelasi *Pearson* menunjukkan kemahiran interpersonal pensyarah mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan efikasi sendiri pelajar ( $r=.62, p<.001$ ). Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kemahiran komunikasi interpersonal boleh mempengaruhi keyakinan diri kerana pensyarah merupakan suri teladan kepada pelajar dalam membina identiti diri di samping membentuk perkembangan kognitif, emosi dan tingkah laku yang baik.

**Kata kunci:** Kemahiran komunikasi interpersonal, komunikasi lisan, komunikasi bukan lisan, efikasi sendiri

### ***THE RELATIONSHIP BETWEEN LECTURERS' INTERPERSONAL COMMUNICATION SKILLS AND STUDENTS' SELF-EFFICACY***

#### ***Abstract***

*Self-efficacy plays an important role in developing a quality and competitive education sector. Lecturers who are the key element in the education system in this country not only need to have extensive knowledge and skills in the field of knowledge they impart, but also need to have strong internal aspects in line with the transformation of education today. In relation to that, this study aims to find the relationship between interpersonal communication skills of*

*lecturers with self-efficacy of Universiti Melaka students. This study is a quantitative study that uses a research question as the study instrument and involves 143 respondents consisting of first semester students of the Diploma of Early Childhood Education. The results of the study showed that the mean value of interpersonal communication skills of lecturers verbally (.52) and non-verbally (.50) as well as students' self-efficacy (.58) were at a high level. Pearson correlation analysis showed the interpersonal skills of lecturers had a significant positive relationship with students' self-efficacy ( $r=.615, p<.001$ ). The findings of this study prove that interpersonal communication skills can influence self-efficacy because the lecturers are role models to students in building self-identity in addition to forming good cognitive, emotional and behavioural development.*

**Keywords:** *Interpersonal communication skills, verbal communication, non-verbal communication, self-efficacy*

## **PENGENALAN**

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan suatu elemen yang penting untuk menyampai dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Pengajaran berkesan dilihat sebagai suatu proses penyampaian maklumat dan memberikan pengalaman yang akan mengubah tingkah laku seseorang pelajar secara kekal. Perubahan tingkah laku seseorang pelajar dapat dilihat daripada segi kefahaman dan kemahiran yang diperolehi semasa sesi pengajaran berlaku ataupun semasa membuat tugas yang diberikan oleh pensyarah.

Selain itu, pengajaran berkesan juga didefinisikan sebagai pengajaran yang dapat meningkatkan pembelajaran dalam diri pelajar (Hunter, 1995; Sulaiman 2003). Objektif pengajaran akan dapat dicapai dengan jayanya sekiranya pelajar itu sendiri mempunyai kesedaran terhadap pengetahuan mereka. Tambahan pula, pengajaran di dalam kelas akan berjalan dengan lebih lancar. Oleh sebab itu, komunikasi merupakan satu medium penting dalam proses penyampaian atau pemindahan mesej dari individu kepada individu yang lain. Komunikasi juga asas kepada perhubungan interpersonal iaitu perhubungan individu dengan individu yang lain. Kemahiran komunikasi merupakan kemahiran interpersonal yang paling penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat kepada seseorang dengan tepat dan berkesan khususnya antara pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bersesuaian dengan Gardner (1993) yang mendefinisikan kemahiran interpersonal sebagai keupayaan untuk berinteraksi dengan orang lain dan memahami mereka.

Melalui kemahiran interpersonal guru yang baik akan mampu mempengaruhi efikasi sendiri pelajar. Ini kerana guru yang berdedikasi dan mampu mengaplikasikan kemahiran interpersonal akan menjadikan proses pengajaran jelas, lancar dan mudah difahami (Syofia *et al.*, 2012). Kemahiran interpersonal telah dikenal pasti sebagai kemahiran utama berbanding faktor kecerdasan dan personaliti yang sering digunakan oleh guru ketika menyampaikan pengajaran (Syofia *et al.* 2012). Albert Bandura (1977) menyatakan efikasi sendiri boleh memberi kesan yang penting kepada motivasi, kesungguhan, keyakinan individu. Pajares (1997) mendapati efikasi sendiri memberi impak kepada pilihan yang dibuat, usaha yang dilakukan, dan kecekalan hati menghadapi cabaran, rintangan, tekanan dan kebimbangan. Malah, kajian Wang dan Pape (2007) membuktikan pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi didapati lebih berpotensi untuk berjaya dalam akademik. Oleh yang demikian Efikasi sendiri mempunyai peranan penting dalam pembentukan personaliti pelajar dan pelaksanaan sesuatu tugas walaupun dengan cabaran yang pelbagai.

## **PENYATAAN MASALAH**

Salah satu cabaran yang digalas oleh para pensyarah dalam bidang pendidikan di institusi pengajian tinggi di Malaysia ialah pencapaian akademik pelajar. Hal ini adalah kerana polisi dalam bidang pendidikan memerlukan graduan yang mempunyai kualiti yang tinggi dalam bidang pengajian mereka serta komited dalam melaksanakan sesuatu tugas untuk mudah mendapat tempat khususnya di alam kerjaya. Sebagai contoh, salah satu usaha melahirkan guru tadika dan prasekolah yang cemerlang akademik, berkepercayaan, prihatin dan cekap dalam pedagogi kanak-kanak, KPM telah mengumumkan sebuah polisi baharu dengan menetapkan Diploma dalam Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak sebagai kelayakan minimum melalui kabinet pada 1 April 2016 dan telah berkuat kuasa pada tahun 2020.

Meskipun begitu, kualiti pelajar cemerlang bukan sahaja dilihat daripada aspek pencapaian akademik semata-mata bahkan tahap kualiti efikasi sendiri seseorang pelajar itu turut diambil kira sebagai faktor yang memungkinkan mereka mendapat tempat seterusnya cemerlang dalam karier. Semestinya pengajaran yang berkesan seharusnya dapat membantu melahirkan pelajar yang cemerlang akademik serta berefikasi sendiri yang berkualiti. Ia bukan sahaja mempengaruhi masa depan pelajar dan negara, bahkan ia juga dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian serta boleh memberi sumbangan kepada sosiologi masyarakat setempat. Oleh itu bagi usaha melahirkan graduan yang mempunyai kelayakan ikhtisas yang berkualiti, pengajaran kuliah yang berkesan seharusnya dapat memberi inspirasi kepada pelajar untuk menjadi lebih yakin dan bersemangat serta meningkatkan motivasi dan kemahiran komunikasi yang baik sebagai persediaan untuk menjadi seorang guru.

Dengan erti kata lain, tutur kata dan bahasa tubuh seseorang guru adalah kritikal dalam membentuk personaliti dan sendiri pelajar. Pada masa yang sama, komunikasi yang berkesan akan dapat menjalin dan memperbaiki hubungan, bersifat responsif, meningkatkan harga diri melalui penghargaan dan penghormatan, mendapatkan maklumat, meraih kepercayaan, berkongsi pengalaman serta mewujudkan keseronokan. Komunikasi yang baik, dapat merapatkan jurang perhubungan antara pensyarah dan pelajar sekali gus memudahkan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berlangsung. Hal ini selaras dengan Shen *et al.*, (2013) yang mendapati bahawa pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi, lebih berpotensi untuk berjaya dan mudah berkomunikasi serta bekerjasama dengan rakan sekelas yang lain.

Oleh yang demikian, efikasi sendiri pelajar diyakini berkait rapat dengan kualiti pengajaran di dalam bilik kuliah. Pengajaran yang berkesan pula sering kali dikaitkan dengan kemahiran yang perlu ada pada pensyarah antaranya kemahiran komunikasi interpersonal. Bertitik tolak daripada itu, penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan di antara kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan dan bukan lisan dengan tahap efikasi sendiri pelajar UNIMEL bagi melihat sejauh mana tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah memberi kesan terhadap efikasi sendiri pelajar agar tindakan susulan boleh dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara bukan lisan.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan.

3. Mengenal pasti tahap efikasi sendiri pelajar Universiti Melaka.
4. Mengenal pasti hubungan kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah dengan efikasi sendiri pelajar.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara bukan lisan?
2. Apakah tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan?
3. Apakah tahap efikasi sendiri pelajar semester pertama Universiti Melaka?
4. Adakah terdapat hubungan kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah dengan efikasi sendiri pelajar?

## **HIPOTESIS KAJIAN**

Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H<sub>01</sub>: Tidak terdapat hubungan antara kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah dengan efikasi sendiri pelajar UNIMEL.

## **SOROTAN LITERATUR**

Proses penyampaian atau pemindahan mesej daripada individu kepada individu yang lain berupaya mewujudkan kefahaman terhadap mesej yang disampaikan serta kedua-duanya mempunyai kefahaman yang dikongsi bersama. Komunikasi juga didefinisikan sebagai perhubungan interpersonal iaitu perhubungan individu dengan individu yang lain. Menurut teori *Multiple Intelligences* (Gardner, 1993) komunikasi interpersonal merupakan keupayaan untuk berinteraksi dengan orang lain dan memahami mereka. Menurut Janasz (2002), komunikasi interpersonal mempunyai dua kategori iaitu komunikasi jenis lisan (*verbal*) dan juga bukan lisan (*non verbal*). Komunikasi secara lisan adalah seperti percakapan atau penulisan kepada seseorang. Komunikasi lisan boleh berlaku secara langsung apabila dua orang berbual secara bersemuka (Sulaiman, 2002). Kebiasaannya, komunikasi lisan berlaku secara bersahaja atau pun secara langsung atau tidak formal dan mesej yang disampaikan boleh dinyatakan dengan suara serta penggunaan perkataan. Ia juga dapat menentukan sesuatu perbualan itu bermula dan berakhir. Komunikasi lisan secara formal pula melibatkan peristiwa seperti mesyuarat, temu duga, ucapan dan pengajaran (Natashadora, 2013).

Komunikasi bukan lisan merangkumi semua aspek komunikasi kecuali penggunaan perkataan. Dalam erti kata lain, komunikasi bukan lisan merangkumi bukan sahaja gerak isyarat dan pergerakan badan tetapi juga termasuk ekspresi muka, gerak isyarat, nada suara, bahasa badan serta pandangan mata. Hasil kajian Barmaki dan Hughes (2018) menunjukkan komunikasi bukan lisan yang diamalkan oleh pensyarah seperti pandangan mata, nada suara, postur badan dan tingkah laku amat mempengaruhi strategi pengajaran dan pembentukan hubungan komunikasi interpersonal semasa pengajaran. Komunikasi bukan lisan sangat penting dalam interaksi harian manusia dan mempengaruhi efikasi sendiri seseorang pelajar dalam pembelajaran.

Dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, pastinya salah satu ciri utama seorang guru yang efisien ialah memiliki kemahiran komunikasi yang baik di dalam kelas. Kebanyakan tekanan yang berlaku di dalam kelas berpunca daripada kurangnya komunikasi yang betul. Dengan menggunakan kemahiran ini, pensyarah boleh memainkan peranan utama

dalam meningkatkan tahap efikasi sendiri pelajar mereka. Melalui komunikasi bukan lisan, pensyarah boleh menarik perhatian pelajar untuk lebih memahami dan memotivasikan pelajar. Hal ini kerana pelajar secara tidak sedar menerima komunikasi bukan lisan yang dihantar oleh pensyarah. Gabungan komunikasi bukan lisan adalah suatu keperluan dalam pembelajaran untuk mewujudkan keharmonian (Sarkar dan Mohanty, 2021).

Berdasarkan kajian Tay (2013), guru-guru pelatih menguasai kemahiran interpersonal berada pada tahap sederhana secara keseluruhannya. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Shahril@ Chairil (2002) yang juga menunjukkan tahap kemahiran interpersonal guru turut berada pada tahap sederhana. Namun begitu, menurut dapatan Ab. Halim et al. (2004), Abdullah Sani (2005) dan Nor Shahrin, Fadzilah dan Rahimi (2009) merumuskan bahawa kemahiran interpersonal guru adalah lemah dan rendah. Manakala kajian yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Teknik Melaka oleh Mohd Shafie et al. (2008) menunjukkan tahap kemahiran interpersonal guru berada pada tahap yang tinggi. Oleh yang demikian, kajian-kajian lepas membuktikan kemahiran interpersonal guru masih tidak konsisten dalam menunjukkan peningkatan.

Di samping itu, daripada aspek efikasi sendiri menurut kajian Cameron dan Jay (2017), tahap efikasi sendiri pelajar adalah merujuk kepada penglibatan pelajar semasa pembelajaran dijalankan, ini juga mendorong individu dalam mengenal pasti peningkatan kepada pencapaian akademik pelajar. Namun begitu, seseorang yang memiliki tahap efikasi sendiri yang baik boleh memperoleh kejayaan dalam peperiksaan kerana mereka mampu memotivasikan diri untuk berdepan dengan kesulitan yang dihadapi dan menjadikannya sebagai pengajaran pada masa hadapan (Iswandi Harahap et.al, 2021). Justeru, persekitaran yang sihat dan kondusif dapat mendukung usaha untuk meningkatkan efikasi sendiri pelajar dengan lebih positif sekaligus dapat memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih dinamik (Amatan dan K Han, 2019).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif dengan menggunakan pendekatan deskriptif dalam mendapatkan pandangan pelajar tentang kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah dan efikasi sendiri mereka. Kaedah tinjauan ini merupakan kaedah yang sesuai digunakan dalam pelbagai bidang untuk mendapatkan maklumat tertentu. Malah menurut Cohen *et al.*, (2013), kaedah tinjauan mempunyai kelebihan untuk mengukur sikap dan amalan semasa.

### **Sampel Kajian**

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar semester pertama dalam jurusan Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di Universiti Melaka. Rasional pemilihan responden ini adalah kerana para pelajar telah didedahkan kepada kursus-kursus pendidikan yang memerlukan pengaplikasian kemahiran komunikasi interpersonal yang baik sebagai persediaan menjadi pendidik. Seramai 143 orang responden telah menjawab soal selidik kajian ini dan kaedah pemilihan sampel kajian adalah secara rawak mudah. Prosedur pengumpulan data bagi kajian ini dilakukan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *Google Form*. Seterusnya data yang dikumpulkan ini akan dikodkan, di rekod dan dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0 dengan menggunakan skor min dan korelasi Pearson.

## Instrumen Kajian

Soal selidik kajian ini telah diadaptasi daripada soal selidik kajian “Hubungan Kemahiran Komunikasi Interpersonal dengan Tahap Motivasi Pelajar” oleh Siti Nasrah Mukhtar dan Nor Syahadataini (2021) bagi aspek kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan dan bukan lisan. Manakala bagi bahagian efikasi sendiri soal selidik kajian telah diterjemah daripada *General Self-efficacy Scale* (Schwarzer dan Jerusalem, 1995). Soal selidik pada bahagian efikasi sendiri ini juga telah diubah suai daripada segi struktur ayat supaya bersesuaian dengan demografi responden yang telah dipilih. Kaedah skala lima likert digunakan sebagai pilihan jawapan responden bagi memudahkan mereka menginterpretasikan pandangan dan penilaian pada setiap pernyataan yang diberikan dalam soal selidik tersebut. Jadual 1 menunjukkan skor penilaian skala lima likert yang digunakan bagi bahagian ini:

**Jadual 1: Jadual Skor Skala Likert**

Penyataan	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Kurang Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

## Kebolehpercayaan Instrumen

Set soal selidik ini telah diuji dengan menggunakan nilai kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*). Kajian rintis telah dijalankan melibatkan seramai 30 orang responden memandangkan kiraan statistik akan berfungsi sekiranya sampel (*n*) melebihi 30 orang menurut Darusalam dan Hussin (2018). Hasil daripada ujian tersebut, nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi akan dibandingkan dengan Jadual Nilai Kebolehpercayaan (Lim, 2007) seperti yang berikut bagi Mengenal pasti item yang memerlukan penambahbaikan, pengubahsuaian atau disingkirkan daripada instrumen.

**Jadual 2: Nilai Kebolehpercayaan**

Pekali Kebolehpercayaan	Tahap Kebolehpercayaan
.90 dan ke atas	Amat baik
.80-.89	Baik
.60-.79	Sederhana
.40-.59	Diragui
.00-.39	Ditolak

**Sumber:** Adaptasi Lim (2007)

Menurut Nunnally (1978) dan Hair et.al (2006) konstruk yang mempunyai pentafsiran pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* yang boleh diterima ialah  $\alpha \geq .60$  adalah mencukupi bagi kajian eksploratori. Nilai korelasi antara item yang lebih besar daripada .30 pula adalah kriteria minimum (Hair et.al, 1995) dan boleh dikekalkan dalam analisis. Analisis daripada kajian rintis perlu dijalankan untuk mendapatkan nilai *Alpha Cronbach* bagi memastikan setiap item yang dipilih adalah benar-benar sesuai untuk dijadikan instrumen kajian (Gay dan Airasian, 2003). Berikut adalah keputusan analisis kebolehpercayaan bagi ketiga-tiga bahagian dalam soal selidik kajian ini:

**Jadual 3: Analisis Nilai Alpha Cronbach**

<b>Bahagian</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
A. Kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara bukan lisan	.82
B. Kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan	.89
C. Efikasi sendiri pelajar	.91

Nilai *Alpha Cronbach* bagi ketiga-tiga instrumen berada dalam julat  $\alpha=.70$  hingga  $\alpha=.88$  menunjukkan kesemua item dan pemboleh ubah dalam instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik dan diterima (Hair, Babin, dan Krey, 2017). Analisis ini menunjukkan semua item yang digunakan dalam kajian adalah sesuai digunakan untuk mengukur pemboleh ubah kajian.

#### **DAPATAN KAJIAN**

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar semester pertama dalam jurusan Diploma Pendidikan Awal kanak-kanak. Seramai 143 orang pelajar telah bersetuju untuk menjadi sampel kajian ini bagi memberi respons terhadap soal selidik kajian. Keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 138 orang perempuan dan 5 orang lelaki.

**Jadual 4: Taburan Frekuensi dan Peratusan Mengikut Jantina Responden**

<b>Jantina</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
Perempuan	138	96
Lelaki	5	4
<b>Jumlah</b>	<b>143</b>	<b>100</b>

Bagi mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan dan bukan lisan serta efikasi kendiri pelajar, kajian ini telah menggunakan dan merujuk kepada interpretasi skor min yang dikemukakan seperti yang berikut:

**Jadual 5: Tafsiran Skor Min**

<b>Tahap</b>	<b>Skor Min</b>
Tinggi	3.67-5.00
Sederhana	2.34-3.66
Rendah	1.00-2.33

Adaptasi Pallant (2011)



**Jadual 6: Tahap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Pensyarah Secara Bukan Lisan**

<b>Item</b>	<b>Penyataan</b>	<b>Nilai Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Pensyarah memandang kepada pelajar ketika mengajar.	4.55	Tinggi
2	Pensyarah mempunyai gerak badan yang tenang ketika bercakap.	4.62	Tinggi
3	Pensyarah menggunakan pelbagai intonasi suara ketika bercakap di dalam bilik kuliah.	4.54	Tinggi
4	Pensyarah menggunakan pergerakan tangan ketika bercakap di dalam kelas.	4.52	Tinggi
5	Pensyarah memberikan ekspresi muka yang pelbagai semasa bercakap dengan pelajar.	4.39	Tinggi
6	Pensyarah menepuk bahu atau menyentuh tangan pelajar yang sama jantina sambil bercakap dengan mereka.	3.03	Sederhana
7	Pensyarah membuat kontak mata dengan pelajar semasa bercakap dengan mereka.	4.45	Tinggi
8	Pensyarah selalunya berdiri semasa mengajar.	4.34	Tinggi
9	Pensyarah bergerak secara aktif ketika mengajar di dalam kelas	4.19	Tinggi
	Jumlah purata min	4.29	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan analisis nilai min bagi menilai tahap kemahiran interpersonal pensyarah secara bukan lisan. Dapatan analisis ini menunjukkan purata keseluruhan nilai min kemahiran interpersonal pensyarah secara bukan lisan berada di tahap tinggi iaitu sebanyak 4.29. Nilai min yang tertinggi adalah pada pernyataan “Pensyarah mempunyai gerak badan yang tenang ketika bercakap” iaitu sebanyak 4.62., manakala nilai min yang paling rendah dan berada di tahap sederhana adalah pada pernyataan “Pensyarah menepuk bahu atau menyentuh tangan pelajar yang sama jantina sambil bercakap dengan mereka” dengan nilai 3.03. Keputusan analisis ini menunjukkan bahawa pensyarah menguasai kaedah komunikasi interpersonal secara bukan lisan dengan baik tetapi kurang mengamalkan kaedah sentuhan dengan pelajar sama jantina untuk membina hubungan atau menunjukkan keprihatinan mereka.

**Jadual 7: Tahap Kemahiran komunikasi Interpersonal Pensyarah Secara Lisan**

<b>Item</b>	<b>Penyataan</b>	<b>Nilai Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Pensyarah mengajukan pertanyaan atau menggalakkan pelajar untuk bercakap.	4.44	Tinggi
2	Pensyarah menggunakan contoh peribadi atau pengalaman yang diperolehnya ketika mengajar.	4.41	Tinggi
3	Pensyarah menyertai perbincangan bersama pelajar sebelum atau selepas kelas.	4.14	Tinggi
4	Pensyarah menggunakan jenaka ketika mengajar di dalam kelas.	4.37	Tinggi
5	Pensyarah bertanyakan kepada pelajar mengenai tugas, tarikh hantar atau topik perbincangan.	4.67	Tinggi
6	Pensyarah memberi pujian terhadap kerja, tindakan atau pendapat pelajar.	4.51	Tinggi
7	Pensyarah memulakan perbualan umum dengan pelajar sebelum atau selepas kelas.	4.38	Tinggi
8	Pensyarah mengajak pelajar untuk berjumpa di luar waktu kelas sekiranya mempunyai pertanyaan atau ingin berbincang mengenai perkara lain.	4.20	Tinggi
9	Pensyarah sentiasa memberi dorongan dan galakan motivasi kepada pelajar di kelas.	4.60	Tinggi
10	Pensyarah mampu menjawab soalan pelajar dengan baik sama ada berkaitan dengan kursus ataupun tidak.	4.62	Tinggi
Jumlah Purata Min		4.43	Tinggi

Jadual 7 menunjukkan analisis nilai min bagi menilai tahap kemahiran interpersonal pensyarah secara lisan. Dapatan analisis ini menunjukkan purata keseluruhan nilai min kemahiran interpersonal pensyarah secara lisan berada di tahap tinggi iaitu sebanyak 4.43. Nilai min yang tertinggi adalah pada penyataan “Pensyarah bertanyakan kepada pelajar

mengenai tugas, tarikh hantar atau topik perbincangan.” iaitu sebanyak 4.67. Manakala nilai min yang paling rendah adalah pada pernyataan “Pensyarah menyertai perbincangan bersama pelajar sebelum atau selepas kelas” dengan nilai 4.14. Keputusan analisis ini menunjukkan bahawa pelajar UNIMEL mempunyai persepsi yang positif terhadap kemampuan pensyarah dalam kemahiran komunikasi interpersonal secara lisan.

**Jadual 8: Tahap Efikasi Kendiri Pelajar Universiti Melaka**

<b>Item</b>	<b>Penyataan</b>	<b>Nilai Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Saya percaya saya boleh menyelesaikan masalah yang sukar jika saya berusaha dengan gigih	4.52	Tinggi
2	Jika seseorang bercanggah pendapat dengan saya, saya boleh mencari cara untuk mendapatkan apa yang saya inginkan.	4.00	Tinggi
3	Saya sangat berpegang kepada matlamat dan akan mencapai matlamat saya.	4.50	Tinggi
4	Saya yakin bahawa saya boleh menangani perkara yang tidak dijangka dengan cekap.	4.00	Tinggi
5	Saya tahu bagaimana menangani situasi yang tidak dijangka.	3.89	Tinggi
6	Saya boleh menyelesaikan masalah jika saya berusaha.	4.55	Tinggi
7	Saya boleh bertenang apabila berhadapan dengan kesukaran kerana saya boleh bergantung pada kebolehan saya.	3.95	Tinggi
8	Apabila saya berhadapan dengan masalah, saya boleh mencari beberapa penyelesaian.	4.05	Tinggi
9	Jika saya menghadapi masalah, saya boleh memikirkan penyelesaiannya	4.11	Tinggi
10	Saya boleh mengendalikan apa-apa perkara dengan cara saya tersendiri	4.01	Tinggi
	Jumlah Purata Min	4.16	Tinggi

Jadual 8 menunjukkan analisis nilai min bagi tahap efikasi kendiri pelajar UNIMEL. Dapatan analisis ini menunjukkan purata keseluruhan nilai min efikasi kendiri pelajar UNIMEL berada di tahap tinggi iaitu sebanyak 4.16. Nilai min yang tertinggi adalah pada pernyataan “Saya boleh menyelesaikan masalah jika saya berusaha” iaitu sebanyak 4.55. Manakala nilai min yang paling rendah adalah pada pernyataan “Saya tahu bagaimana menangani situasi yang tidak dijangka” dengan nilai 3.89. Keputusan analisis ini membuktikan bahawa pelajar UNIMEL mempunyai keyakinan yang baik terhadap kemampuan diri mereka sendiri untuk menempuh apa sahaja perkara yang mendatang.

### **Hubungan Kemahiran Komunikasi Interpersonal Pensyarah dengan Efikasi Kendiri Pelajar Universiti Melaka**

Analisis korelasi digunakan untuk mencari hubungan antara dua pemboleh ubah atau lebih. Persoalan yang ketiga dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti adakah terdapat hubungan antara kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah dengan efikasi kendiri pelajar UNIMEL. Kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini berpandukan kepada Skala Kekuatan Hubungan oleh Cohen, Manion dan Marrison (2011) seperti berikut:

**Jadual 9: Nilai Kekuatan Hubungan Korelasi**

<b>Kekuatan Hubungan</b>	<b>Julat Nilai Korelasi (<i>r</i>)</b>
Sangat kuat	.81-1.00
Kuat	.51-.80
Sederhana	.31-.50
Lemah	.21-.30
Sangat Lemah	.01-.20

Adaptasi Cohen, Manion dan Marrison (2011)

**Jadual 10: Analisis Korelasi Pearson antara Kemahiran Komunikasi Interpersonal Pensyarah dengan Efikasi Kendiri Pelajar UNIMEL**

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Efikasi Kendiri Pelajar UNIMEL</b>	
Kemahiran Komunikasi secara Lisan	r	.60
	sig.	.00
Kemahiran Komunikasi secara Bukan Lisan	r	.57
	sig.	.00
Kemahiran Komunikasi Interpersonal Pensyarah	r	.64
	sig.	.00

Jadual 10 menunjukkan kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah mempunyai hubungan yang kuat dan signifikan dengan efikasi sendiri pelajar UNIMEL ( $p = .000$ ) pada aras  $p < .001$ . Kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan mempunyai nilai korelasi yang lebih tinggi iaitu ( $r = .60$ ) dan diikuti komunikasi secara bukan lisan pada nilai ( $r = .57$ ). Secara keseluruhannya hasil analisis korelasi menunjukkan terdapatnya hubungan positif yang kuat ( $r = .64$ ) antara kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah dengan efikasi sendiri pelajar UNIMEL. Ujian korelasi ini juga menunjukkan signifikan pada ( $p < .001$ ). Oleh itu,  $H_{01}$  yang mengatakan “tidak terdapat hubungan antara kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah dengan efikasi sendiri pelajar UNIMEL” ditolak. Selain itu, analisis ini juga membawa maksud bahawa tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah yang tinggi boleh memberi kesan yang baik terhadap tahap efikasi sendiri pelajar UNIMEL.

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN**

Analisis deskriptif melalui nilai min menunjukkan bahawa pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di UNIMEL mempunyai persepsi yang positif terhadap tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah memandangkan kedua-dua gaya komunikasi lisan dan bukan lisan pensyarah berada di tahap tinggi. Efikasi sendiri pelajar juga berada di tahap tinggi dan ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai keyakinan dan percaya terhadap kemampuan diri sendiri. Selain itu, hasil analisis korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah dan efikasi sendiri. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan kemahiran interpersonal pensyarah secara lisan mempunyai hubungan yang lebih kuat berbanding komunikasi bukan lisan terhadap efikasi sendiri pelajar UNIMEL. Oleh itu, boleh dikatakan tahap efikasi pelajar lebih tinggi apabila kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara lisan berada di tahap yang tinggi. Pendapat ini selaras dengan Natasyadora (2013) yang menyatakan apabila komunikasi lisan diterjemahkan dengan tepat dan jelas, ia menjadikan individu tersebut mengaktifkan fikiran pelajar dan membantu mereka untuk mencipta kreativiti.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, setiap perkataan yang dilontarkan oleh pensyarah dan pelajar merupakan satu bentuk komunikasi. Justeru kemahiran komunikasi lisan lebih banyak mempengaruhi tahap efikasi sendiri pelajar. Hal ini mungkin berlaku kerana responden kajian ini terdiri daripada pelajar semester pertama dalam jurusan Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak yang baru melangkah ke alam universiti. Lazimnya, pelajar semester pertama masih tidak lari daripada norma budaya bimbingan sepenuhnya daripada guru sewaktu proses PdP di sekolah. Hal ini kerana melalui komunikasi sahaja kita dapat mengetahui sesuatu maklumat dan perkara. Bersesuaian dengan definisi komunikasi sebagai pertukaran idea, pendapat, maklumat, perhubungan dan sebagainya yang mempunyai tujuan dan dipersembahkan secara personal atau tidak personal melalui simbol atau isyarat yang bertujuan untuk mencapai matlamat organisasi (Rosenblatt, 1983).

Sungguhpun begitu, kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah secara bukan lisan juga memberi kesan yang positif kepada efikasi sendiri pelajar. Ini kerana komunikasi bukan lisan digunakan untuk mengukuhkan penerangan, memberi contoh atau untuk tujuan pengesahan. Pensyarah menggunakan komunikasi bukan lisan semasa mengajar untuk meningkatkan pemahaman pelajar dan mewujudkan suasana pengajaran yang lebih positif. Komunikasi bukan lisan seperti pergerakan tangan dan badan, ekspresi muka dan pandangan mata didapati mempunyai pengaruh dalam meningkatkan

tahap efikasi sendiri pelajar terhadap pelajaran yang disampaikan. Oleh yang demikian, kedua-dua kaedah perlu dikuasai oleh pensyarah bagi mewujudkan hubungan interpersonal yang baik dan positif antara guru dengan pelajar, pengaruh dan keakraban antara pelajar dan pensyarah dapat memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar secara kognitif dan afektif di samping memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan merangsang proses pembelajaran sentiasa dititikberatkan.

Di samping itu, efikasi sendiri juga mempunyai perkaitan dengan emosi. Jika individu mempunyai emosi yang positif, mereka mempunyai efikasi sendiri yang lebih tinggi terhadap perkara yang dilakukan. Sekiranya mereka selalu mengalami tekanan, efikasi sendiri mereka juga akan rendah (Bandura, 1977). Malah dalam kajian Zheng et al., (2018) menyatakan tahap efikasi sendiri mempengaruhi pelajar dalam membuat keputusan dan meningkatkan keyakinan diri. Santrok (2004), menyatakan pelajar dengan efikasi sendiri yang baik cenderung untuk berusaha dengan tekun dan menyelesaikan masalah dengan baik, sementara pelajar dengan efikasi sendiri yang rendah cenderung untuk mengelakkan tugas yang sukar. Oleh yang demikian, kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah yang baik boleh mempengaruhi keyakinan diri pelajar kerana pensyarah merupakan suri teladan kepada pelajar dalam membina identiti diri di samping membentuk perkembangan kognitif, emosi dan tingkah laku yang baik.

Walau bagaimanapun, hasil analisis kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada kelompok institusi pendidikan yang lain memandangkan perbezaan daripada segi struktur, demografi pelajar, birokrasi, dasar, misi dan struktur kursus adalah berbeza antara institusi. Oleh yang demikian, tahap kemahiran komunikasi interpersonal dan tahap efikasi sendiri pelajar adalah terbatas kepada pandangan dan persepsi serta tingkah laku pelajar semester pertama Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di UNIMEL yang menjadi responden kajian ini. Malah dapatan atau penemuan yang akan diperolehi dalam kajian ini juga adalah berasaskan kepada instrumen yang dijawab oleh kumpulan tersebut dan terhad kepada konstruk kajian dan tidak boleh digeneralisasikan kepada konstruk kemahiran komunikasi interpersonal dan efikasi sendiri yang lain.

## **BIBLIOGRAFI**

- Barmaki, R., and Hughes, C. E. (2018). Embodiment analytics of practicing teachers in a virtual immersive environment. *Journal of Computer Assisted Learning*. Vol. 34(4):387-396. <https://doi.org/10.1111/jcal.12268>
- Gay, L. R., and Mills, G. E. Airasian (2012). *Educational Research: Competencies Analysis And Applications (10<sup>th</sup> ed)*. Pearson.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., and Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis*. Prentice Hall (7th ed.). Englewood Cliffs
- Khalip Musa dan Hariza Ab. Halim (2015). Kemahiran Interpersonal Guru dan Hubungan dengan Pencapaian Akademik Pelajar (Interpersonal Teacher Skill and It's Relationship with Students' Academic Achievement) *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40(2)(2015): 89-99.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).
- Nunnally, J. (1978). C. (1978). *Psychometric theory*. New York: Mc Graw Hill
- Pallant, J. (2011). *Survival Manual. A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS (4<sup>th</sup> ed.)* Crows Nest, New South Wales, Australia: Allen dan Unwin

- Reush, J. (1957). *Technology and Social Communication in Communication Theory and Research*. L. Thayer (ed). Springfield, III Thymos.
- Rosenblatt, S. B. (1983). *Communcation in Bussiness*. Dicapai pada 3 Mac 2012 dari <http://www.scribd.com/doc/51165908/Definisi-Komunikasi>.
- Sarkar, M., dan Mohanty, D. A. (2021). Role of kinesics in a virtual classroom: A study on the perception of engineering students. *Wutan Huatan Jisuan Jishu*, XVII (1), 517-529. <http://www.wthtjsjs.cn/gallery/46-whjj-jan-5692.pdf>
- Siti Nasrah Mukhtar dan Nor Syahadataini Awang (2021). Hubungan Kemahiran Komunikasi Interpersonal Pensyarah Dengan Tahap Motivasi Pelajar: Kajian Di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Psmza. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)* Volume 6 Issue 22 (March 2021) PP. 227-237 DOI 10.35631/IJLGC.6220022
- Sulaiman, et. al., (2002). *Komunikasi dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Tay Meng Guat (2013) *Komunikasi Interpersonal Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Semasa Praktikum Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, Jilid 11, 2013.